

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



Warna Jingga dan Kepentingannya

Oleh: Nazima Versay Kudus

Pigmen warna jingga dihasilkan oleh dua warna primer yaitu merah dan kuning. Dalam masyarakat Melayu, warna jingga dikaitkan dengan hasil alami seperti pinang masak, kunyit, labu dan kuning lemak ketam.

Sejarah Penggunaan Warna Jingga

Menurut Phillips (2023), pada zaman Mesir Purba dan Zaman Pertengahan, mineral realgar dan orpiment yang menghasilkan warna jingga digunakan masing-masing untuk menghias makam dan manuskrip. Nama orange diberikan kepada warna ini pada abad ke-16. Sebelum itu, ia dikenali sebagai safran atau kuning merah. Apabila pedagang Portugis membawa pekak aren dari Asia ke Eropah pada akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-16, nama buah sitrus ini kemudiannya diabadikan sebagai nama warna tersebut.

Warna Jingga dalam Teks Klasik Melayu

Menurut carian dari Malay Concordance Project (n.d), sebuah korpus digital teks Melayu dalam talian, warna jingga diguna dalam beberapa teks klasik Melayu. Istilah ini kerap kali digunakan untuk menggambarkan warna pakaian, kain atau aksesori. Sebagai contoh, dalam Hikayat Panji Kuda Semirang, terdapat frasa "berkampuh sutra jingga", manakala dalam Syair Ken Tambuhan, disebut "berkampuh jingga bunga teratai". Perkataan "kampuh" di sini merujuk kepada kain sarung yang dijahit dari dua helai kain menjadi satu (Kamus DBP Online, 2017). Selain itu, dalam Hikayat Indera Nata, terdapat ungkapan "berkain jingga beremas". Warna jingga juga digunakan untuk elemen hiasan lain. Sebagai contoh, dalam Hikayat Maharaja Marakarma, terdapat frasa "berpelana jingga" yang merujuk kepada lapik tempat duduk belakang kuda dan dalam Hikayat Inderaputera, disebut "kaca jingga".

Penggunaan warna jingga dalam teks klasik Melayu ini sering melambangkan keindahan, kemewahan dan status tertentu. Sebagai contoh, dalam Syair Raja Damsyik, terdapat ungkapan "bersabuk kuning warna jingga"; sabuk merujuk kepada tali pinggang (kamus DBP Online, 2017) berwarna jingga. Selain itu, jingga digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang cantik dan berharga seperti "bunga jingga" dalam Hikayat Inderaputera dan tunggul (bendera kecil dan panjang atau panji-panji) kebesaran warna jingga dalam Syair Siti Zubaidah Perang Cina dan Hikayat Pandawa Lima yang melambangkan alat kebesaran diraja.

Bentuk gandanya, "jingga-jingga," pula muncul dalam Surat kepada Van de Wall yang merujuk kepada hadiah "buah jingga-jingga". Mungkinkah ini merujuk kepada buah aren, memandangkan Van de Wall adalah seorang pentadbir berbangsa Belanda dan warna jingga itu sendiri mempunyai kaitan yang sangat signifikan dengan identiti kebangsaan Belanda?

Jingga sebagai Lambang Moden

Kini, warna jingga juga digunakan sebagai simbol menggantikan warna hitam, seperti dalam konsep "orange is the new black." Konsep ini berasal daripada memoir Piper Kerman bertajuk *Orange Is the New Black: My Year in a Women's Prison* (2010), yang merujuk kepada warna pakaian seragam tahanan. Selain itu, warna jingga semakin sering digunakan sebagai lambang untuk membangkitkan kesedaran terhadap isu-isu penting. Contohnya, warna ini digunakan dalam kempen untuk meningkatkan keprihatinan terhadap isu gender, seperti keganasan terhadap wanita, di mana International Day for the Elimination of Violence against Women (un.org) dan Penang Goes Orange (pwdc.org) menetapkan warna jingga sebagai simbol hari tersebut.



Poster The International Day for the Elimination of Violence Against Women



Poster Penang Goes Orange

Penutup

Jingga bukan sekadar campuran merah dan kuning. Ia adalah warna yang menghubungkan masa lampau dengan masa depan, mengingatkan kita bahawa di tengah-tengah palet dunia yang pelbagai, ada satu warna yang mampu mencetuskan inspirasi, harapan dan perubahan. Seperti sinar matahari yang terbit di ufuk jingga, warna ini memberi kita sebab untuk melihat dunia dengan mata yang lebih segar dan jiwa yang lebih berani.

Rujukan:

Kamus DBP Online (2017). <https://prgm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

Kerman, P. (2010). *Orange Is the New Black: My Year in a Women's Prison*. New York: Spiegel & Grau. Malay Concordance Project (n.d.). Australian National University. <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>

Penang Women's Development Corporation (n.d.). Penang Goes Orange. <https://pwdc.org.my/penang-goes-orange/>

Philips, K. (2023, November 28). The Color Orange - History, Meaning and Facts. HunterLab. <https://www.hunterlab.com/blog/the-color-orange/>

United Nations. (n.d.). International Day for the Elimination of Violence against Women. <https://www.un.org/en/observances/ending-violence-against-women-day>